

Headline	Suruhanjaya Tenaga proses lesen TPA		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Feb 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	23	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	318 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,885



# Suruhanjaya Tenaga proses lesen TPA

## ➔ Pengenalan sistem tawar penggiat industri lebih peluang

**S**uruhanjaya Tenaga (EC) memproses dua lesen import gas asli cecair (LNG) dan tiga lesen perkапalan di bawah sistem Akses Pihak Ketiga (TPA) yang berkυat kuasa pada 16 Januari lalu.

Pengarah Pembangunan dan Kawal Selia Gas, Roslee Esman, berkata satu lagi permohonan bagi lesen perkапalan dan import LNG dijangka dikemukakan pada suku ketiga.

Sementara itu, TPA bagi gas asli

adalah sistem yang membolehkan pihak ketiga mengakses kemudahan gas yang tidak dimiliki atau dikendalikan oleh mereka.

Roslee berkata, Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 dan pengenalan TPA menyediakan lebih banyak peluang kepada penggiat industri untuk mengambil bahagian.

"EC menggalakkan lebih ramai pembekal (pemegang lesen perkapan dan import LNG) memohon lesen dan pasaran boleh dianggap kompetitif apabila dua atau lebih pemegang lesen perkapan menyertai pasaran," katanya.

### EC tetapkan syarat

Beliau berkata, EC sudah melaksanakan beberapa pertemuan dengan penggiat industri dan pengguna gas menerusi bengkel, forum, 'tea-talk' dan seminar yang mendapat sam-

butan positif dan menggalakkan.

"Secara umumnya, penggiat industri dan pengguna gas menjangka liberalisasi pasaran gas akan memberi manfaat kepada mereka dari segi bekalan gas yang mamparn, harga pasaran gas yang berpatutan dan perkhidmatan yang lebih baik daripada pembekal gas," katanya.

Roslee berkata, empat lagi garis panduan dijangka dikeluarkan EC pada tahun ini, termasuk pelan perniagaan, penetapan tarif dan standard, sebagai tambahan kepada dua yang sudah dikeluarkan, iaitu lesen dan antipersaingan.

Beliau berkata, beberapa syarat ditetapkan EC bagi syarikat untuk mengambil bahagian dalam TPA.

Antaranya, pemohon perlu diperbadankan pada peringkat tempatan atau di mana-mana negara lain yang diluluskan EC dan pemo-

hon perlu memenuhi syarat modal berbayar minimum tertentu yang ditetapkan.

"Semua pengarah di lembaga pengarah pemohon tidak boleh memegang apa-apa jawatan pengarah dalam lembaga pengarah mana-mana pemohon lain atau mana-mana pemegang lesen lain yang dikeluarkan di bawah Akta Bekalan Gas 1993," katanya.

Beliau berkata, pemohon juga perlu mempunyai keupayaan kewangan yang mencukupi, keupayaan teknikal yang relevan dan mematuhi syarat tambahan lain yang sudah ditetapkan oleh suruhanjaya dari semasa ke semasa.

### Syarat tambahan

Selain itu, katanya, ada syarat tambahan khusus yang dikenakan oleh EC bagi setiap jenis lesen berkaitan

pengedaran, talian paip dan regasifikasi di bawah TPA.

"Misalnya, bagi pengimportan di bawah lesen terminal regasifikasi, pemohon mestilah sebuah syarikat yang sama ada diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau didaftarkan menurut Seksyen 332 Akta Syarikat 1965," katanya.

Beliau berkata, pemohon juga perlu mempunyai modal terbitan dan berbayar sekurang-kurangnya RM1 juta dan mereka perlu menge-mukakan maklumat atau dokumen lain seperti diminta oleh EC.

Dalam makluman Petronas Gas Bhd (PGB) kepada Bursa Malaysia bulan lalu, ia mengumumkan TPA akan berkυat kuasa pada 16 Januari, membolehkan pihak ketiga mengakses kemudahan gas PGB bagi pengangkutan gas kepada pelanggan.

**BERNAMA**